



DRAF TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

PROGRAM

PROGRAM SEMARAK SKUAD WAJA NEGERI JOHOR 2024

LOKASI / TARIKH / MASA

**BATU PAHAT, JOHOR
28 JULAI 2024 (AHAD) 11.00 PAGI**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

(A) PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita semua dapat bertemu dan bersama-sama dalam Program Semarak Skwad Waja Negeri Johor 2024 yang diadakan pada hari ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada penganjur program ini, iaitu Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dengan

kerjasama Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) Johor atas pelaksanaan program ini.

3. Terima kasih serta tahniah kepada semua ahli Skwad Waja dan tetamu yang turut hadir, kerana sesungguhnya **kehadiran dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan dalam program pada hari ini amat bermakna** untuk mencapai matlamat kita dalam **memperkasakan dan memberikan kesedaran serta melindungi wanita daripada sebarang bentuk keganasan dan penganiayaan.**

(B) KEGANASAN TERHADAP WANITA

Hadirin yang saya kasahi.

4. Keganasan terhadap wanita merupakan isu sejagat yang berlaku di seluruh dunia yang melangkaui batas sempadan, agama, bangsa dan budaya. Ia melibatkan tindakan keganasan yang berdasarkan gender dan boleh mengakibatkan penderaan secara fizikal, sosial, ekonomi,

seksual atau psikologi serta menyebabkan mangsa mengalami trauma yang lebih rumit dan berpanjangan.

5. Kebanyakan keganasan terhadap wanita dilakukan oleh orang yang dikenali wanita tersebut seperti suami, bekas suami atau teman lelaki, serta ahli keluarga terdekat dan ia tidak dilaporkan kerana beberapa sebab antaranya masalah dalaman keluarga atau masalah peribadi. Terdapat juga mangsa yang tidak tahu cara untuk membuat laporan kes.

6. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), **kes keganasan rumah tangga sehingga Mac 2024** di seluruh negara mencatatkan sebanyak **1,991 kes**. **Pada tahun 2023** sebanyak **5,507 kes** dengan sedikit penurunan kes berbanding tahun 2022, iaitu 6,540 kes telah dilaporkan.

7. Negeri Johor mencatatkan jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan **dari tahun 2020 hingga Mac tahun 2024** adalah sebanyak **2,024 kes**. Bagi tahun 2024 kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan hingga Mac 2024

di Johor adalah sebanyak **228 kes**, manakala pada tahun **2023, kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan adalah sebanyak 347 kes** berbanding 397 kes pada tahun 2022 dan terdapat sedikit penurunan kes sebanyak 12.6% peratus.

8. Tanggungjawab membanteras keganasan terhadap wanita bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata, sebaliknya merupakan tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh semua pihak termasuklah masyarakat setempat.

9. Oleh itu, penubuhan Skwad Waja akan mewujudkan sinergi yang baik antara pihak kerajaan dengan komuniti untuk menangani isu keganasan terhadap wanita. Kesedaran terhadap isu keganasan terhadap wanita amat penting bagi memastikan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat tercapai.

(C) LATAR BELAKANG SKUAD WAJA

Hadirin yang saya dikasihi.

10. Penubuhan program sukarelawan Skwad Waja merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) yang bertujuan untuk **memperkasakan komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti**. Program Skwad Waja merangkumi aspek kesejahteraan, kepimpinan, keselamatan dan ekonomi bagi meningkatkan kesedaran tentang isu jenayah yang sering berlaku terhadap wanita.

11. Skwad Waja merupakan **agen perubahan dalam usaha meningkatkan pengetahuan wanita bukan sahaja yang berkaitan dengan perundangan malah mendedahkan mereka dengan ilmu berkaitan modus operandi jenayah dan tindakan yang perlu diambil.** Pendedahan ilmu dan aktiviti dalam Skwad Waja dapat menjadikan **wanita sebagai seorang yang bersifat waja, berdikari, berani dan peka** dengan keperluan masyarakat serta saling membantu.

12. Skwad Waja berperanan sebagai rujukan masyarakat dari aspek panduan tentang **pentingnya usaha menangani sebarang bentuk keganasan terhadap wanita**. Skwad Waja juga akan membantu mereka yang menjadi mangsa untuk **merujuk kes kepada pihak yang berwajib dan mendapatkan pertolongan profesional**.

13. Sememangnya, objektif pelaksanaan program psikososial dan aktiviti dalam komuniti Skwad Waja ini adalah untuk menyampaikan mesej tentang **peranan penting Skwad Waja sebagai penggerak utama sukarelawan dalam komuniti dan**

sebagai “first responder” atas isu yang berlaku. Dengan tindakan pantas di peringkat komuniti, Skwad Waja dapat menyumbang kepada pembangunan institusi sosial dan pengukuhan masyarakat yang penyayang serta prihatin.

14. Sejak penubuhan Skwad Waja pada tahun 2021 hingga bulan April 2024, jumlah ahli Skwad Waja adalah seramai **332,840 orang dengan seramai 257,638 orang wanita (77.4%) dan 75,202 orang lelaki (22.6%)**. Bagi negeri **Johor** sahaja,

terdapat seramai **24,232 orang ahli Skwad Waja** yang melibatkan seramai **22,130 wanita dan 2,102 lelaki**.

15. Antara program yang sinonim dengan Skwad Waja ialah **program psikososial** Skwad Waja bagi menyantuni masyarakat dan komuniti. Sehingga kini, seramai **72,942** individu telah disantuni di seluruh negara dan bagi negeri Johor, seramai **12,061** individu yang telah disantuni melalui **program psikososial** Skwad Waja.

(D) PROGRAM SEMARAK SKUAD WAJA NEGERI JOHOR

Hadirin yang saya hormati.

16. Program Semarak Skuad Waja Negeri Johor 2024 ini diadakan bagi menyebarkan luas peranan Skuad Waja dalam komuniti yang merentasi bangsa, latar belakang dan organisasi di negeri Johor terutamanya dalam kalangan wanita.

17. Bagi memastikan agenda Kementerian memperkasakan wanita supaya bertindak dengan lebih bijak dan berani, program Semarak Skuad Waja ini digerakkan untuk memberikan **pendedahan tentang isu keganasan terhadap wanita dan kaedah terbaik** ke arah menghapuskan sebarang bentuk keganasan.

18. Selain itu, para peserta program Semarak Skuad Waja negeri Johor akan diberikan latihan bagi **meningkatkan kemahiran psikologi asas dari aspek emosi, tingkah laku dan pemikiran**

melalui modul program MATAHARI atau **Program Meningkatkan Daya Tahan dan Psikologi Wanita.**

19. Program ini turut akan memberikan **kefahaman berkaitan dengan hak-hak wanita dari segi perundangan melalui modul Program IRIS atau Program Literasi Perundangan** bagi meningkatkan pengetahuan berkaitan hak-hak perundangan serta meningkatkan keberanian mereka untuk membuat laporan.

20. Program ini juga diharapkan dapat mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman tentang isu penganiayaan terhadap wanita dan penyaluran maklumat berhubung dengan saluran aduan serta bantuan yang disediakan kepada mangsa keganasan. Istimewanya, pada program kali ini turut melibatkan pemimpin dalam komuniti daerah Batu Pahat.

21. Sehingga bulan Jun 2024, sebanyak 14 program MATAHARI telah dilaksanakan dan empat program IRIS yang melibatkan seramai 5,888 peserta secara fizikal dan juga dalam talian.

22. Pada tahun ini, JPW telah merangka pelbagai program untuk Skwad Waja seperti mempergiat lagi program psikososial dan juga turun padang. Ahli Skwad Waja akan melaksanakan pelbagai program advokasi menangani isu keganasan dan juga menyantuni masyarakat dengan lebih dekat melalui Program Sumbang Bakti Skwad Waja di komuniti masing-

masing. Program ini akan digerakkan melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri seluruh Malaysia dengan penglibatan Skwad Waja di negeri masing-masing.

(E) PENUTUP

23. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya supaya Program Semarak Skwad Waja 2024 Negeri Johor ini memberikan manfaat kepada masyarakat negeri Johor bagi memberikan kesedaran dan perlindungan kepada kaum wanita daripada segala bentuk keganasan dan diskriminasi. Secara tidak

langsung, program ini dapat melahirkan wanita yang mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi dan mampu menjadi penggerak agen perubahan dalam komuniti.

24. Saya selaku Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan terus berusaha untuk melaksanakan inisiatif bagi melindungi kaum wanita dan seterusnya memartabatkan agenda pemerkasaan wanita negara.

25. Akhir kalam, dengan lafaz “Bismillahir Rahmanir Rahim”, sukacita saya dengan ini merasmikan **Program Semarak Skuad Waja Negeri Johor Tahun 2024.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATUK SERI DR. NORAINI BINTI AHMAD

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

28 Julai 2024